

EkuiNAS yakin potensi Burger King

Oleh JOHANNA A. SOBREY
johanna.sobrey@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Ekuiti Nasional Bhd. (EkuiNAS) kini dalam proses memulihkan perniagaan francais Burger King ekoran kegagalan pihaknya melupuskan pegangannya kepada Brahim's Holdings Bhd. (Brahim's) dan firma jentera khas, Quantum Angel Sdn. Bhd. (Quantum Angel).

Menurutnya, syarikat akan terus membuat pelaburan ke dalam jenama tersebut termasuk dalam bentuk sumber dan pengurusan.

"Kami tetap yakin dengan potensi perniagaan Burger King.

"Bagaimanapun, ada beberapa pihak kini telah menunjukkan minat untuk melabur dalam francais Burger King dan kami bersedia

untuk memulakan perbincangan mengenainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena pengumuman keputusan EkuiNAS 2014 di sini semalam.

Abdul Rahman menerangkan, strategi EkuiNAS kini ialah memberi fokus terhadap segmen restoran makanan kasual seperti Tony Roma's dan Manhattan Fish Market walhal Burger King berada dalam segmen perkhidmatan segera (QSR).


"QSR merupakan satu perniagaan jangka panjang dan ia melibatkan pelaburan yang besar serta berterusan untuk mencapai ekonomi berskala termasuk membuka lebih banyak cawangan.

"Oleh itu kami sentiasa berusaha untuk meneroka peluang dan pelu-

pusan portfolio Burger King akan membolehkan jenama tersebut terus berkembang bersama pihak yang mempunyai kewangan dan kepakaran operasi yang kukuh," ujarnya.

Sebelum itu, Pengerusi EkuiNAS, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda mengumumkan syarikat telah berjaya melaksanakan sembilan pelaburan secara langsung dengan jumlah modal komited sebanyak RM605.8 juta bagi tahun kewangan 2014 (TK2014) yang berakhir pada 31 Disember 2014.

"Ini termasuk enam pelaburan langsung dengan jumlah modal komitmen sebanyak RM542.1 juta yang terdiri daripada pelaburan susulan dalam Kumpulan Revenue Valley dan rangkaian kafe San Francisco Coffee," ujarnya.



ARSHAD (kiri) bersama Abdul Rahman menunjukkan buku laporan pencapaian prestasi kewangan EkuiNAS di Kuala Lumpur semalam.